



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR **DALAM TALIAN / ONLINE****

---

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN MALAYSIA 2**  
**KOD KURSUS : MPU2123**  
**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar.
  - ii. No. Kad Pengenalan.
  - iii. Seksyen/Kelas.
  - iv. Kod Kursus.
  - v. Nama Kursus.
  - vi. Nama Pensyarah.
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG/ **14** HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Apakah faktor utama yang menyebabkan masyarakat pada zaman batu hidup secara nomad?
  - A Menghormati adat resam dan cara hidup.
  - B Menjaga keselamatan dalam masyarakat.
  - C Mengikut kepercayaan masyarakat peribumi.
  - D Meneruskan kelangsungan sumber makanan.
  
2. Sistem perundangan Kesultanan Melayu Melaka merupakan tonggak kepada keamanan di negeri Melaka. Apakah kitab perundangan yang digunakan oleh Kerajaan Melaka?
  - A Sulalatus Salatin.
  - B Hukum Kanun Melaka.
  - C Undang-Undang Maritim.
  - D Undang-Undang Jenayah Melaka.
  
3. Bagaimakah sultan Melaka mengukuhkan kedudukan Islam di wilayahnya?
  - A Membina institusi pendidikan.
  - B Melatih pendakwah tempatan.
  - C Mendirikan pusat penterjemahan.
  - D Menghantar ulama mengajar agama.
  
4. Antara yang berikut, yang manakah tujuan Belanda menakluk Melaka?
  - i. Menjalankan pemerintahan secara militer.
  - ii. Meluaskan pengaruh kolonialisme di Melaka.
  - iii. Meluaskan pengaruh Kerajaan Melayu-Riau.
  - iv. Memonopoli kawasan perdagangan di Selat Melaka.
  - A i, ii
  - B i, iv
  - C ii, iv
  - D iii, iv

5.

- Residen.
- Penasihat British.

**Pernyataan 1**

Pernyataan 1 merupakan jawatan yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Apakah persamaan tugas pegawai yang menjawat jawatan tersebut?

- A Mewujudkan golongan intelek.
  - B Memperluas ilmu pengetahuan.
  - C Memantapkan sistem perundangan negara.
  - D Meningkatkan semangat perjuangan rakyat.
6. Mengapakah wujud reaksi negatif oleh beberapa negara jiran terhadap pembentukan Malaysia?
- A Mengugat kedaulatan dan hak negara jiran.
  - B Mengancam ideologi dan ketuanan Malaysia.
  - C Mengurangkan kuasa perdagangan antara negara.
  - D Memperoleh ancaman keselamatan daripada komunis.
7. Bagaimanakah pemimpin Singapura mengenal pasti persetujuan rakyatnya untuk menyertai Malaysia?
- A Menubuhkan parti politik.
  - B Mengadakan referendum.
  - C Tinjauan Suruhanjaya PBB.
  - D Tinjauan Suruhanjaya Cobbold.
8. Mengapakah pihak British bersetuju dengan idea gagasan Malaysia?
- A Memajukan taraf hidup rakyat.
  - B Melahirkan negara yang berdaulat.
  - C Memerdekaan wilayah jajahannya.
  - D Memastikan pendatang melupakan negara asal.

**9.** Tujuan Rukun Negara diperkenalkan pasca Peristiwa 13 Mei 1969 adalah untuk

- A** memupuk kestabilan ekonomi.
- B** meningkatkan integrasi nasional.
- C** mengawal ketidakseimbangan sosiopolitik.
- D** melaksanakan amalan Dasar Ekonomi Baru.

**10.**

Pengasingan kaum dari segi tempat tinggal, pendidikan dan pekerjaan berlaku pada zaman British.

**Pernyataan 2**

Pernyataan 2 berkaitan sistem pentadbiran British di Tanah Melayu.

Apakah konsep yang bersesuaian dengan pernyataan di atas?

- A** Susun dan perintah.
- B** Pecah dan perintah.
- C** Gabung dan perintah.
- D** Kelompok dan perintah.

**11.**

- Tinggal di kawasan berbukit.
- Mengusahakan tanaman padi huma.

**Pernyataan 3**

Nyatakan etnik yang berkaitan dengan ciri-ciri dalam pernyataan 3 di atas.

- A** Bajau.
- B** Murut.
- C** Kelabit.
- D** Bidayuh.

12. Masyarakat Kadazan Dusun di Sabah menyambut perayaan

Tadau Kaamatan untuk

- A menyambut tahun baru.
- B mengeratkan hubungan.
- C memuja roh nenek moyang.
- D mendapatkan hasil lumayan.

13. Bagaimakah etnik Chetti serta Baba dan Nyonya wujud?

- A Hasil penjajahan British.
- B Hasil kerjasama ekonomi.
- C Hasil permuafakatan kaum.
- D Hasil perkahwinan pedagang dengan penduduk tempatan.

14. Kepelbagaian kaum di negara ini wujud disebabkan oleh

- A Kapitalisme.
- B Federalisme.
- C Imperialisme.
- D Kolonialisme.

15. Manakah antara berikut fungsi utama tuhan bagi agama Hindu?

- A Asoka, Vedik.
- B Brahman, Veda.
- C Brahmain, Vedak.
- D Sida, Saraswathi.

16. Selain dari Melaka, warisan Baba-Nyonya juga boleh dikesan di negeri

- A Perak.
- B Pahang.
- C Pulau Pinang.
- D Negeri Sembilan.

17.

- Perayaan yang disambut sebagai tanda setia dan memperingati pengasas agama.

#### Pernyataan 4

Nyatakan jenis perayaan yang sesuai dengan pernyataan 4.

- A Hari Gawai.  
B Hari Wesak.  
C Hari Vaisakhi.  
D Tadau Kaamatan.
18. Mengapakah penganut agama Kristian berarak sambil membawa lilin dan salib semasa menyambut perayaan Jumaat Agung?  
A Menghargai kebebasan.  
B Meraikan kelahiran Jesus Christ.  
C Membayar nazar kepada Jesus Christ.  
D Memperingati peristiwa penyaliban Jesus Christ.
19. Mengapakah raja dianggap sebagai bayangan tuhan dan mesti dihormati pada zaman Kesultanan Melayu?  
A Raja dianggap suci.  
B Raja sebagai khalifah.  
C Raja sebagai titisan dewa.  
D Raja mempunyai kuasa mutlak.

- 20.** Pilih pernyataan yang berkaitan dengan agama Hindu.
- i. Kitab suci agama Hindu ialah Tripikata.
  - ii. Kasta tertinggi agama Hindu ialah pendeta iaitu golongan Brahmana.
  - iii. Patung yang menyerupai bentuk manusia dan haiwan dikenali sebagai arca.
  - iv. Kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu adalah menerusi sistem kangchu.
- A** i, ii  
**B** i, iv  
**C** ii,iii  
**D** iii,iv

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

# Angkat suara anak muda sebagai aset negara

**Oleh Dr Azizul Helmi Sofian**  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)



Pensyarah Kanan  
Fakulti Teknologi  
Kejuruteraan Kimia  
dan Proses,  
Universiti Malaysia  
Pahang (UMP)

**Hari** Kemerdekaan dan Hari Malaysia tahun ini diraikan walaupun sederhana, namun semangat patriotisme itu sewajarnya dilihat dengan gembira dan rasa syukur atas perjuangan nenek moyang kita terdahulu.

Namun, sering kali didengari anak muda kini tidak lagi mempunyai semangat patriotisme tinggi. Benarkah tanggapan ini?

Adakah semangat patriotisme itu sekadar mengibarkan Jalur Gemilang dan menyanyikan lagu Negaraku? Tanggapan ini jelas sekali bersifat mitos dan tidak seharusnya suara sumbang sebegini diangkat di arus perdana.

Buktinya jelas dapat dilihat ketika negara dilanda pandemik COVID-19. Ramai anak muda yang turun padang sebagai sukarelawan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV). Ada pula sibuk mengedarkan biskut makanan, membantu ibu bapa serta warga tua yang tidak mampu keluar rumah dengan memberikan perkhidmatan penghantaran barang dan sebagainya.

**Pernyataan 5**

Pernyataan 5 menunjukkan hak bersuara anak muda dalam pembangunan negara.

- a. Berdasarkan pernyataan 5, mengapakah suara anak muda penting kepada pembangunan negara?

**(2 markah)**

- b. Terangkan perbezaan di antara Hari Merdeka dengan Hari Malaysia?

**(2 markah)**

- c. Jelaskan **tiga (3)** aktiviti yang boleh dijalankan untuk meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan anak muda berserta contoh.

**(6 markah)**

**SOALAN 2**

## 12 paluan Kompang Jidor

Seni tradisional yang dahulunya berkembang luas di Johor kini semakin kurang dimainkan

**Gambar 1**

Gambar 1 menunjukkan seni tradisional, iaitu kompong yang menjadi sebahagian budaya dalam masyarakat Melayu di Johor.

- a. Mengapakah seni tradisional seperti kompong semakin kurang dimainkan?  
Nyatakan **dua (2)** sebab.  
**(2 markah)**
  
- b. Terangkan **dua (2)** fungsi Jawatankuasa Persatuan Kebudayaan Johor untuk menarik generasi muda meminati seni tradisional.  
**(4 markah)**
  
- c. Jelaskan **dua (2)** kepentingan memelihara seni tradisional.  
**(4 markah)**

## SOALAN 3

<p style="text-align: center;"><b>Mohd Raizalhilmy Mohd Rais,</b> Presiden Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas Universiti Malaysia Pahang (UMP)</p>	<p><b>Ketika</b> Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengetengahkan konsep Keluarga Malaysia, secara relatifnya ia adalah suatu konotasi positif yang menarik. Apatah lagi, institusi kekeluargaan terus menjadi agenda penting dalam pembinaan sesebuah masyarakat.</p> <p>Penggunaan frasa serta konsep Keluarga Malaysia dalam penggubalan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) pula dilihat sebagai hala tuju untuk memastikan tidak ada mana-mana kaum atau kelompok di negara ini ketinggalan dalam usaha menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi.</p> <p>Ketika negara masih bergelut dengan impak penularan pandemik COVID-19, pendekatan sebegitu dilihat sebagai sangat tepat. Apatah lagi dalam konteks kesejahteraan negara dan rakyat demi memperkasakan nilai murni institusi kekeluargaan seperti kasih sayang, toleransi, empati, selain mengutamakan keperluan melindungi, membantu serta jangan biarkan rakyat terus dalam kesusahan. Justeru, dalam memastikan semuanya terlaksana dan berada pada landasan betul, sikap saling memahami mesti disuburkan dan ia boleh dibuat menerusi semangat kesukarelawan.</p> <p>Semangat sukarelawan ini bukan perkara asing dan baharu dalam masyarakat kerana ia adalah sebahagian daripada kebiasaan kehidupan masyarakat sejak dulu.</p>
---	--

**Pernyataan 6**

Pernyataan 6 menunjukkan aktiviti kesukarelawan dalam kalangan masyarakat pelbagai budaya.

- Mengapakah pembentukan keluarga Malaysia penting dalam membantu menghadapi cabaran membina negara berpendapatan tinggi?  
**(2 markah)**
- Jelaskan **dua (2)** aktiviti kesukarelawan yang melibatkan keluarga Malaysia.  
**(4 markah)**
- Huraikan **dua (2)** tanggungjawab media massa untuk mengalakkan aktiviti kesukarelawan dalam komuniti.  
**(4 markah)**

**SOALAN 4****Gambar 2**

Gambar 2 menunjukkan majlis perkahwinan komuniti masyarakat Chetti di negeri Melaka.

- a. Berdasarkan komuniti masyarakat Chetti dalam gambar 2, apakah budaya masyarakat itu?  
**(2 markah)**
  
- b. Berikan **dua (2)** budaya lain yang diamalkan oleh masyarakat dalam gambar di atas.  
**(2 markah)**
  
- c. Jelaskan **tiga (3)** langkah untuk mengekalkan tradisi pelbagai kaum di Malaysia.  
**(6 markah)**

## SOALAN 5



## Ajaran 'Agama Melayu' disiasat

**Kuala Lumpur:** Pihak berkuasa agama sedang menyiasat dan meneliti tindakan sewajarnya berhubung isu agama baharu dikenali sebagai 'Agama Melayu' yang menolak ajaran Islam.

Yang Dipertua YAYASAN Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM), Nasrudin Hassan, berkata sebagai agensi dakwah, pihaknya sentiasa bersedia untuk memberi kefahaman, pemurnian akidah dan fikrah.

"Sehari dua ini kecoh pula dengan lahirnya agama baharu dikenali sebagai Agama Melayu. Menggunakan lafadz syahadah pelik, seperti yang saya dengar, lafadznya disambung pengakuan Aku Melayu sebanyak tujuh kali. "Mereka menolak ajaran Islam

yang dianggap sebagai Islam Arab dan konyanya membawa Islam Melayu," katanya dalam satu kenyataan di Facebook, semalam.

Nasrudin berkata, daripada aspek pengaruhkuasaan, perkara itu sedang disiasat pihak berkuasa agama bagi tindakan selanjutnya.

"Makin mencabar tugas dakwah kita semua pada zaman mutakhir ini. Orang ramai dinasihatkan tidak terpengaruh dengan ajaran Islam Melayu yang dibawa oleh individu ini kerana jelas ia adalah ajaran yang sesat lagi menyesatkan.

"Saya sendiri pernah mengenali individu itu sepintas lalu lewat 20 tahun yang lalu ketika beliau masih belajar," katanya.

### Pernyataan 7

Pernyataan 7 menunjukkan penyebaran ajaran sesat di Malaysia.

- Berdasarkan pernyataan 7, apakah perbezaan antara ajaran Islam dengan ajaran sesat?  
**(2 markah)**
- Senaraikan **dua (2)** asas dalam Islam yang boleh dilakukan untuk membina hubungan sesama Islam.  
**(2 markah)**
- Berikan **dua (2)** bentuk toleransi keagamaan antara kaum di Malaysia.  
**(2 markah)**
- Jelaskan **dua (2)** kesan perpecahan kaum di Malaysia.  
**(4 markah)**

**SOALAN 6**

**Ravindran  
Raman Kutty,  
Pakar komunikasi  
dan pengurusan  
reputasi**

**Seorang** rakan beragama Islam menghargai perkongsian ucapan buat umat Islam sempena Ramadan genap sebulan lalu, terutama ketika sahur dan berbuka puasa.

Menurut rakan itu, sangat sedikit orang bukan Islam mengambil inisiatif seumpama itu. Ia memberi inspirasi kepada saya merakamkan tulisan ini sempena Aidilfitri.

Minggu ketiga April lalu, ialah tempoh menarik buat rakyat Malaysia. Ketika Ramadan tiba, ia seiring kehadiran Tahun Baharu Sikh dan Telegu, diikuti Tahun Baharu Tamil dan Malayalee, masing-masing pada 13 dan 14 April.

Semua perayaan indah ini disambut 75 peratus rakyat dan 95 peratus penduduk Asia Tenggara serta Asia Timur. Ketika sambutan Tahun Baharu lalu, saya memberitahu diri bahawa saya harus berkongsi ucapan salam Ramadan kepada rakan beragama Islam. Setiap tahun saya melakukan perkara ini. Tahun ini lebih bermakna kerana semua hari penting jatuh pada minggu sama.

Berapa ramai orang Melayu atau Cina tahu terdapat Tahun Baharu dalam kalendar masyarakat India? Orang Sikh merayakan Vaisakhi, masyarakat Telegu memiliki Ugathi, orang Tamil merayakan Tamil Puthandu dan keturunan Kerala menyambut Tahun Baharu Vishu.

Banyak festival kaum India lain termasuk Ponggal, Thaipusam, Onam, Karthigai dan Navatathri. Begitu juga masyarakat keturunan Siam meraikan Songkran.

Berapa ramai pula orang India atau Melayu tahu terdapat beberapa perayaan diraikan rakan Cina

seperti Dongzhi, Yuan Xiao, Qingming, Duanwu dan Hantu Kelaparan?

Pada masa sama, kita tidak boleh melupakan rakan di Sabah dan Sarawak. Regatta Lepa, Festival Sabah, Pesta Kaamatanam, Pesta Kelapa, Perlumbaan Perahu Naga Sabah, Pesta Rumbia, Hari Gawai, Festival Kaul di Mukah, Kapit Raft Safari dan Festival Kebudayaan serta Memetik Epal Ba'Kelalan, antara sambutan sangat unik di Malaysia Timur.

Semua ini 'gerbang indah' untuk pelbagai komuniti di negara kita. Disebabkan hampir setiap perayaan Islam terkenal seluruh negara, mustahak bagi setiap rakyat sama-sama menyelami keindahan dan keunikan festival lain.

Semua perayaan ini unik dan cara luar biasa untuk kita mengenali setiap rakyat. Setiap orang menerima mesej ucapan saya, terutama Aidilfitri, Aidiladha dan Tahun Baharu Cina pasti akan membalias dengan senyuman lebar.

Setiap rakyat wajar berusaha mengambil tahu sambutan dan perayaan kaum lain. Seperti inisiatif kecil saya mengirim mesej ketika Ramadan, saya meletakkan harapan supaya setiap rakyat mengirim mesej saling berkongsi ucapan dan sama-sama berasaskan kita rakyat negara tercinta ini.

Kita perlu memulakan langkah kecil bagi memastikan rakyat Malaysia lain turut gembira.

Mata pelajaran sivik pernah diajar di sekolah satu masa lalu menekankan semua aspek ini. Mungkin, ia terkeluar daripada kurikulum hari ini.

Sayang sekali, kita terlalu fokus ke atas aspek agama dan melupakan keperluan asas mengukuhkan kefahaman budaya dan agama lain di negara ini.

**Pernyataan 8**

Pernyataan 8 menunjukkan jenis-jenis perayaan masyarakat majmuk di Malaysia.

- a. Berdasarkan pernyataan 8, namakan 2 jenis perayaan bagi masyarakat India di Malaysia

**(2 markah)**

- b. Berdasarkan soalan 5 (a), terangkan **dua (2)** simbolik di sebalik satu daripada perayaan tersebut.

**(4 markah)**

- c. Jelaskan **dua (2)** kepentingan mengukuhkan kefahaman agama dan budaya antara kaum di Malaysia.

**(4 markah)**

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SATU (1)** soalan sahaja. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

Penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan masyarakat dapat mengatasi krisis dan persengketaan yang melanda masyarakat Malaysia pada masa ini. Bincangkan **lima (5)** konflik yang berlaku di Malaysia dan huraikan bagaimana pengamalan Rukun Negara dalam kehidupan dapat menyelesaikan konflik ini.

**(20 markah)**

**SOALAN 2**

Perpaduan dan integrasi nasional adalah penting kepada pembangunan negara. Pelbagai strategi telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan seperti dalam bidang pendidikan. Sistem pendidikan di Malaysia merupakan strategi awal untuk menggalakkan integrasi antara kaum di Malaysia. Huraikan **lima (5)** strategi untuk mengukuhkan perpaduan kaum di Malaysia melalui sistem pendidikan.

**(20 markah)**

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**